

Persediaan mental selepas banjir

Oleh KHAIROL ANUAR MASUAN

Um 26/1

SELALUNYA pelbagai penyakit akan timbul selepas banjir mulai surut. Penyakit yang selalunya dikaitkan dengan banjir ialah penyakit bawaan air seperti cirit-birit, taun, dan juga yang berpunca daripada nyamuk iaitu denggi.

Pihak berkuasa juga telah pun memberikan maklumat terperinci mengenai penyakit-penyakit yang perlu ditangani segera. Jika tidak ia akan memberi masalah yang lebih besar kepada mangsa banjir.

Penyakit ini selalunya merebak akibat daripada jumlah air yang semakin banyak bertakung. Jika dahulunya sesuatu kawasan itu sukar menakung air; banjir menyebabkan ia menakung air.

Meskipun pada pandangan kita takungan air itu hanya seminggu atau dua minggu, tetapi kitaran biologi seekor nyamuk hanyalah kurang lebih seminggu sahaja. Begitu halnya dengan kuman. Jadi kemungkinan masalah penyakit ini merebak adalah amat besar.

Namun kita jangan lupa juga masalah mental yang mungkin dihadapi mangsa banjir selepas banjir surut.

Berbanding dengan penyakit bawaan air tadi, masalah mental pada kebiasaannya tidak disadari oleh pesakit apatah lagi orang lain. Jika mereka menghadapinya dan mengetahuinya sekalipun, mereka akan cuba menyembunyikannya. Sehingga masalah tersebut menjadi terlalu sukar untuk dirawat.

Kita sedia maklum musibah banjir mengakibatkan sejumlah harta benda musnah begitu sahaja. Sudah pasti ia menyebabkan seseorang itu mudah untuk berduka-cita kerana perasaan kehilangan sesuatu berharga terjadi ke atas diri. Perasaan duka cita inilah yang menyebabkan seseorang itu mudah hilang punca dan sukar untuk menyesuaikan diri. Mungkin juga mereka akan merasa rendah diri yang keterlaluan.

Selain itu pula ada sebilangan besar mangsa banjir akan kehilangan mata pencarian. Misalnya golongan peniaga jalanan. Mereka sudah pasti antara golongan yang paling teruk terjejas mata pencarian.

Ini kerana hasil jualan mereka berdasarkan kepada jualan harian. Jika tidak berniaga pasti rugi. Tetapi jika mereka berniaga pun mungkin sukar untuk mendapat pembeli. Golongan ini perlu diberi perhatian.

Termasuk di dalam kategori ini ialah golongan yang makan gaji dari peniaga jalanan ini. Begitu halnya dengan orang yang bekerja dengan sesuatu perniagaan misalnya kedai barangan elektrik. Mereka juga akan teruk terjejas.

Jika hilang mata pencarian sudah pasti mereka akan mengalami gangguan mental yang hebat. Mereka mungkin cuba menafikannya; namun hakikatnya berbeza.

Semua keadaan di atas memerlukan persediaan mental yang kuat dan mereka perlukan bantuan agar boleh menjalani hidup seperti sedia kala.

Tidak kiralah persediaan menghadapi penyakit atau masalah mental, semua ini memerlukan kekuatan jiwa yang kuat.

Semoga mereka yang terlibat banjir ini menjadi orang yang kuat dan tabah.